

# Menjaga cucu anda

---

## Faedah menjaga cucu anda

Salah satu perkara yang hebat tentang menjadi datuk dan nenek adalah mencintai dan menjaga cucu anda tanpa mempunyai tanggungjawab terhadapnya seperti ibu bapanya. Hubungan antara datuk dan nenek dengan cucu boleh mempunyai pengaruh yang sangat positif terhadap perkembangan kanak-kanak - sebagai contoh, datuk dan nenek dapat membantu cucu bangkit daripada kegagalan yang dilaluinya dalam kehidupan. Membantu ibu bapa cucu anda juga merupakan cara terbaik untuk mengeratkan hubungan dengan mereka.

## Menjaga cucu anda: Perkara yang perlu difikirkan

Kemungkinan terdapat beberapa perkara yang perlu anda timbangkan apabila anda fikir tentang menjaga cucu. Menjadi datuk dan nenek adalah sebahagian daripada hidup anda. Anda mungkin cuba mengimbangi keperluan cucu anda dengan perkara lain seperti kerja rumah, pekerjaan, hobi, kerja sukarelawan dan masa untuk diri anda sendiri.

Anda mungkin berasa gembira untuk menyediakan penjagaan kepada kanak-kanak atau menjaga cucu anda. Atau anda mungkin tidak mahu menjaga kanak-kanak secara tetap, tetapi anda mungkin masih ingin menghabiskan masa dengan cucu anda dan memberi sokongan kepada ibu bapa cucu anda dengan cara lain.

## Petua bagi penjagaan cucu anda

Berikut ada beberapa petua bagi menangani beberapa isu yang biasa dihadapi apabila menjaga cucu:

- **Cuti dan sakit.** Beri notis yang secukupnya kepada ibu bapa cucu anda jika anda ingin pergi ke mana-mana - mungkin sukar untuk menggantikan anda! Mereka boleh mendapatkan pengasuh, meminta sahabat handai atau ahli keluarga lain atau meluangkan masa kerja bagi menggantikan anda. Anda juga boleh berbincang mengenai penjagaan sandaran apabila anda atau cucu anda sakit.
- **Kelakuan.** Bincangkan dengan ibu bapa cucu anda mengenai strategi yang dianggap berguna apabila anak mereka berkelakuan mencabar dan mengikuti kehendak mereka. Keputusan ini adalah tanggungjawab mereka.
- **Peraturan dan rutin.** Ia lebih baik untuk bertanya kepada ibu bapa cucu anda cara mereka ingin anda menangani peraturan dan rutin. Bertanya sebelum membuat apa-apa perubahan menunjukkan anda menghormati peraturan dan rutin ini - contohnya, 'Bolehkah saya memberinya gula-gula jika dia berkelakuan baik?'
- **Hal ehwal kewangan.** Menjaga cucu mungkin suatu perkara yang memerlukan belanjaan yang tinggi. Ini kerana menyediakan makanan, pengangkutan dan menghiburkan cucu anda memerlukan wang. Anda boleh berbincang dengan ibu bapa cucu anda mengenai pemberian sedikit wang untuk membantu meringankan kos. Seringkali anda boleh menghiburkan kanak-

kanak dengan mainan buatan sendiri dan mengambil bahagian dalam aktiviti percuma yang cukup menghiburkan.

- **Perbezaan gaya penjagaan.** Cucu anda kini dibesarkan dalam zaman yang berbeza daripada zaman anda dibesarkan dan zaman anda membesarkan anak-anak anda. Anda mungkin tidak sentiasa bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh ibu bapa cucu anda. Walau bagaimanapun, tidak bersetuju bukan bermaksud keputusan yang dibuat ini salah. Membaca tentang pendapat terkini mengenai perkembangan kanak-kanak, tentang tidur, tingkah laku, disiplin, keselamatan dan pemakanan serta kecergasan mungkin dapat membantu. Anda boleh mendapatkan maklumat tentang topik ini di portal “Baby Bonus Parenting Resources” kami.

Berikut adalah beberapa petua yang boleh membantu anda mengaturkan penjagaan anak yang sesuai untuk anda:

- . Bersikap jujur tentang perkara yang boleh anda lalukan. Sebagai contoh, jika anda tidak pasti bahawa anda boleh menguruskan satu hari yang panjang setiap minggu, biarkan ibu bapa cucu anda tahu perkara yang sanggup anda lakukan - 'Saya tidak boleh menjaga dari jam 7 pagi hingga 6 petang, tetapi saya boleh menjaga setiap petang pada setiap minggu '. Atau jika anda berpendapat anda boleh membantu tetapi anda juga lebih suka jika ibu bapa cucu anda mendapatkan khidmat pembantu, beritahu mereka - 'Saya dapat membantu setiap petang, jika anda mempunyai seorang penolong yang dapat membantu saya'.
- Anda boleh membuat peraturan rumah anda sendiri apabila anda menjaga cucu anda di rumah anda sendiri. Contohnya, 'Jangan keluar rumah bersendirian'.
- Jika menjaga cucu anda pada malam hari menjejaskan waktu rehat anda, mungkin penyelesaian bagi perkara ini adalah tinggal di rumah cucu anda atau cucu anda bermalam di rumah anda.